

SOALAN-SOALAN LAZIM

MENGENAI PENURUNAN UMUR PENGUNDI DAN CALON SERTA PENDAFTARAN PEMILIH SECARA AUTOMATIK

A. SOALAN UMUM

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pendaftaran pemilih secara automatik?

Pendaftaran pemilih secara automatik bermaksud individu yang layak serta mempunyai maklumat lengkap akan didaftarkan sebagai pemilih oleh SPR tanpa perlu lagi membuat permohonan pendaftaran.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Undi18 dan skopnya?

Undi18 melibatkan 3 perkara, iaitu:

- i) Umur layak mengundi diturunkan dari 21 tahun ke 18 tahun;
- ii) Umur layak menjadi calon diturunkan dari 21 tahun ke 18 tahun; dan
- iii) Pendaftaran warganegara yang layak sebagai pemilih secara automatik.

3. Bilakah Undi18 akan berkuat kuasa dan adakah pelaksanaan skop Undi18 nanti dilaksanakan secara bersekali atau berasingan?

Pelaksanaan Undi18 sama ada secara bersekali atau berasingan akan ditetapkan setelah mempertimbangkan pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak.

SPR akan membuat pemakluman kepada pihak Kerajaan serta juga pihak pembangkang mengenai status kesediaan SPR untuk melaksanakan sepenuhnya Undi18 dari semasa ke semasa.

Tarikh kuat kuasa Undi18 belum lagi ditetapkan. Namun demikian, SPR menjangkakan tarikh kuat kuasa pindaan ini sama ada secara bersekali atau berasingan adalah antara 18 hingga 24 bulan dari September 2019.

4. Mengapakah tempoh 18 hingga 24 bulan diperlukan bagi melaksanakan Undi18?

SPR memerlukan tempoh tersebut bagi menyediakan satu garis masa dan kajian kos yang lengkap mengenai pelaksanaan Undi18 antara seperti berikut:

- i) Menaik taraf sistem ICT SPR;
- ii) Keperluan data-data dari jabatan/agensi Kerajaan yang lain, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara dan/atau Mahkamah serta Kementerian Kesihatan Malaysia;

- iii) Pindaan kepada mana-mana undang-undang atau peraturan pilihan raya yang perlu untuk melaksanakan Undi18;
- iv) Pindaan kepada Perlembagaan Negeri ataupun Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri untuk membolehkan warganegara yang berumur 18 tahun menjadi calon Dewan Undangan Negeri;
- v) Kos pilihan raya akan datang;
- vi) Kemudahan-kemudahan pilihan raya untuk menjamin keselesaan pengundi;
- vii) Keperluan tenaga kerja SPR dan petugas pilihan raya;
- viii) Kajian mengenai pusat-pusat mengundi baharu yang perlu diwujudkan untuk menampung pertambahan jumlah pengundi yang mendadak pada pilihan raya akan datang; dan
- ix) Penetapan lokaliti pengundi-pengundi baharu.

5. Sebelum Undi18 dikuatkuasakan, apakah kaedah pendaftaran pengundi yang sedang dilaksanakan oleh SPR ?

Pada masa ini Undi18 masih belum dikuatkuasakan. Justeru itu, pendaftaran pengundi yang berumur 21 tahun ke atas dan layak untuk didaftarkan sebagai pengundi perlu dilakukan seperti sedia ada, iaitu dengan mengisi Borang A di pejabat SPR, kaunter-kaunter bergerak SPR, pejabat pos, penolong pendaftar pemilih atau melalui atas talian di URL mysprdaftar.spr.gov.my.

6. Sekiranya pilihan raya dilaksanakan sebelum Undi18 dikuatkuasakan, apakah implikasi kepada mereka yang belum mendaftar sebagai pemilih?

Sekiranya mana-mana warganegara tidak mendaftar sebagai pemilih dan pilihan raya diadakan sebelum Undi18 dilaksanakan, mereka tidak dapat mengundi dalam pilihan raya tersebut. Ini adalah kerana nama mereka tiada dalam daftar pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya yang berkenaan memandangkan proses pendaftaran sehingga diwartakan mengambil masa antara 4 hingga 5 bulan. Berhubung perkara ini, perlu diingatkan bahawa daftar pemilih yang akan digunakan dalam mana-mana pilihan raya ialah daftar pemilih terakhir yang telah diwartakan sebelum pilihan raya berkenaan.

7. Adakah pendaftaran pemilih atas talian melalui MySPRDaftar merupakan pendaftaran pemilih secara automatik?

MySPRDaftar adalah aplikasi permohonan pendaftaran pemilih secara atas talian. Ia membolehkan pemilih mengemukakan permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih baharu atau membuat pertukaran bahagian pilihan raya secara atas talian. Oleh kerana pemilih masih perlu mengemukakan permohonan untuk didaftarkan sebagai pemilih pada ketika ini, maka MySPRDaftar bukanlah mekanisme pendaftaran pemilih secara automatik. MySPRDaftar adalah pilihan alternatif kepada kaedah permohonan untuk pendaftaran baharu dan pertukaran bahagian pilihan raya selain dari kaedah yang dinyatakan pada jawapan bagi soalan no.4.

8. Adakah aplikasi MySPRDaftar akan terus digunakan pada masa hadapan?

MySPRDaftar akan terus digunakan pada masa akan datang iaitu selepas Undi18 berkuatkuasa sebagai alternatif untuk permohonan menukar Bahagian Pilihan Raya.

B. HAD UMUR PENGUNDI 18 TAHUN

9. Apakah rasional umur kelayakan mengundi diturunkan?

Antara rasional had umur kelayakan pengundi kepada 18 tahun ialah:

- a) Memberikan peluang kepada seseorang individu untuk memilih wakil rakyat yang akan mewakili kepentingan mereka. Penurunan umur mengundi ini akan meningkatkan penyertaan belia sebagai warga bertanggungjawab dalam menyumbang kepada demokrasi dan pembangunan negara;
- b) Membantu belia mempertingkatkan literasi demokrasi dan kematangan melalui pendedahan kepada pengurusan tadbir urus negara.

10. Sejauh mana Kerajaan melihat golongan belia dapat memberi sumbangan kepada demokrasi di negara ini melalui penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun dan mengapakah umur 18 tahun dipilih?

Penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun dapat menyumbang kepada kesejahteraan demokrasi negara kerana:

- a) Penglibatan belia akan mewujudkan ruang diversiti kerana golongan ini mampu memberikan idea dan melihat sesuatu isu dari perspektif yang berbeza. Apabila pengundi terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, agama dan peringkat umur, maka semua *stakeholders* yang terlibat dengan pilihan raya perlu memainkan peranan yang sewajarnya dan mengambil kira kepentingan semua pihak khususnya belia.

- b) Golongan belia berumur 18 tahun telah diberikan beberapa hak untuk membuat keputusan penting dalam kehidupan mereka. Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) membenarkan belia berumur 18 tahun untuk:
 - (i) berkahwin;
 - (ii) bekerja;
 - (iii) memperolehi lesen memandu kenderaan;
 - (iv) menyertai pasukan beruniform seperti Angkatan Tentera, Bomba, Polis Di-Raja Malaysia dan sebagainya;
 - (v) menandatangani kontrak/pinjaman; dan

(vi) dibicarakan sebagai pesalah dewasa sekiranya melakukan jenayah.

11. Apakah langkah-langkah awal yang telah diambil oleh Kerajaan sebelum pelaksanaan penurunan had umur mengundi ini?

- a. SPR telah mengadakan sesi libat urus bersama 51 buah parti politik pada 31 Oktober 2018 melibatkan urusan pendaftaran, persempadanan dan pilihan raya. Kebanyakan parti politik memberikan maklum balas positif terhadap cadangan menurunkan had umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun.
- b. SPR juga melalui Akademi Pilihan Raya telah melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran terhadap proses demokrasi dan pilihan raya melibatkan kumpulan sasar seawal pelajar sekolah rendah, menengah, institut pengajian tinggi serta kumpulan masyarakat tertentu seperti orang awam dan parti politik.
- c. Di samping itu, KBS telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Anak Muda yang dianggotai oleh Ketua-ketua Pemuda/Pemudi parti politik utama bagi mendapatkan maklum balas/pandangan mengenai cadangan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dan membincangkan isu-isu semasa yang melibatkan belia.

12. Selepas Perkara 119(1) Perlembagaan Persekutuan dipinda di Parlimen bagi menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun, apakah Akta/Peraturan lain yang perlu dipinda sebelum perlaksanaan?

Antara Akta/Peraturan yang dikenalpasti untuk pindaan sebelum pelaksanaan had umur 18 adalah:

- (i) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954
- (ii) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002
- (iii) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981

13. Negara-negara manakah yang belum melaksanakan umur mengundi pada 18 tahun?

- a) Sebelum Perlembagaan Persekutuan dipinda, Malaysia dan Singapura di rantau ASEAN serta beberapa negara lain seperti Kuwait, Oman, Cameroon, Lubnan, Samoa dan Tonga yang belum melaksanakan umur mengundi 18 tahun dan masih mengekalkan pada umur 21 tahun.
- b) Sebelum era 70an, had umur layak mengundi di negara-negara maju yang mengamalkan sistem demokrasi ialah pada umur 21 tahun dan ke atas. Namun selepas 1970an, negara-negara maju seperti United Kingdom, Eropah Barat, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Perancis dan Australia dan telah

menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun. Pada era 1980an, India, Pakistan, New Zealand dan semua negara di Amerika Latin, Afrika dan Asia juga telah berbuat demikian dan diikuti oleh Negara Jepun pada tahun 2016.

- 14. Siapakah rakyat Malaysia yang terkesan dengan pelaksanaan penurunan had umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun?**

Rakyat Malaysia yang terkesan dengan pelaksanaan penurunan had umur ini adalah yang lahir pada tahun 1999 dan seterusnya.

- 15. Berapakah jumlah belia berumur 18 hingga 20 tahun yang akan terkesan dengan penurunan had umur mengundi untuk lima tahun akan datang?**

Anggaran jumlah belia yang berumur 18 hingga 20 tahun yang akan terkesan dengan pelaksanaan ini adalah seramai 3.8 juta orang dengan mengambil kira mereka yang akan mendaftar untuk tempoh lima tahun bermula pada tahun 2019 hingga tahun 2023.

- 16. Berapakah jumlah belia berumur 18 tahun hingga 20 tahun mengikut negeri yang akan terkesan dengan penurunan had umur mengundi pada tahun 2019?**

NEGERI	BILANGAN
PERLIS	13,377
KEDAH	120,456

NEGERI	BILANGAN
KELANTAN	108,823
TERENGGANU	70,922
PULAU PINANG	75,569
PERAK	128,604
PAHANG	81,269
SELANGOR	275,678
W.P KUALA LUMPUR	78,372
W.P PUTRAJAYA	3,161
NEGERI SEMBILAN	57,157
MELAKA	45,889
JOHOR	188,684
W.P LABUAN	3,410
SABAH	134,108
SARAWAK	138,573
JUMLAH KESELURUHAN	1,524,052

Nota: Data dari sumber Jabatan Pendaftaran Negara sehingga 21 Jun 2019

17. Adakah dengan pertambahan jumlah pengundi akan menyebabkan SPR perlu menjalankan kajian untuk menambah kerusi Bahagian Pilihan Raya DUN atau Parlimen?

Keperluan sama ada untuk menambah kerusi Bahagian Pilihan Raya tidak hanya bergantung kepada pertambahan jumlah pengundi sahaja tetapi juga faktor-faktor lain selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

18. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menggalakkan belia mendaftar dan mengundi?

Beberapa agensi kerajaan terlibat dalam menggalakkan belia mendaftar dan mengundi. Berikut merupakan inisiatif yang sedang dilaksanakan:

- a) Melalui Akademi Pilihan Raya (APR), SPR telah mula mempromosikan kesedaran demokrasi sejak tahun 2007.
- b) Aktiviti pendidikan pengundi dipergiatkan lagi melalui Program Pendidikan Pengundi khusus untuk golongan belia yang bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai pilihan raya.
- c) Tumpuan diberikan kepada pelajar institusi pengajian tinggi dengan kerjasama strategik Universiti Awam dan Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) serta Institusi Pendidikan Guru yang dihadiri oleh 31,355 orang pelajar yang berumur antara 18 hingga 26 tahun.
- d) Program ini telah diperluaskan di peringkat sekolah menengah melalui kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi menganjurkan program ini di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Program ini telah dilaksanakan di 23 buah MRSM dengan dihadiri oleh 3,873 pelajar.

- e) SPR juga mendekati pelajar-pelajar sekolah menengah melalui Program *APR Associate Trainers* (AAT). Melalui program ini, SPR telah melatih lebih ramai penceramah dan jurulatih untuk menyampaikan maklumat tentang proses pilihan raya kepada para pelajar sekolah.
- f) Seramai 219 peserta AAT dipilih dari kalangan sukarelawan mahasiswa universiti untuk menyampaikan taklimat kepada pelajar-pelajar MRSM.
- g) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Anak Muda yang dianggotai Ketua-ketua Pemuda/Pemudi dalam komponen parti politik utama negara bagi mendapatkan maklum balas berkaitan cadangan tersebut.
- h) KBS dengan kerjasama SPR akan melaksanakan program Sekolah Rukun Negara bagi mempersiapkan generasi muda dengan memberi pengetahuan dan pengukuhan kefahaman berteraskan Sistem Demokrasi Berparlimen berkaitan Perlembagaan Malaysia dan sistem pentadbiran negara.
- i) KBS juga telah mengadakan kempen kesedaran dengan tema **#UNDI18** dan membangunkan laman sesawang www.undilapanbelas.my bagi meninjau sokongan dan maklum balas daripada umum.

- j) Beberapa NGO juga turut serta dalam usaha meningkatkan kesedaran belia terhadap kepentingan mengundi melalui kempen **#UNDI18**.
- k) Merdeka Centre dan Watan telah melancarkan kempen **#UndiPertamaku** untuk berkongsi pengalaman mengundi bagi tujuan memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia khususnya para belia tentang tanggungjawab mereka dan memberi pendedahan mengenai proses pilihan raya di Malaysia.

C. HAD UMUR CALON 18 TAHUN

19. Apakah rasionalnya menurunkan had umur kelayakan calon daripada 21 tahun kepada 18 tahun?

Penurunan had umur calon diseragamkan dengan penurunan had umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Umur 18 tahun dianggap matang selaras dengan Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) (rujuk jawapan di perenggan 2(b)).

20. Apakah kebaikan pelaksanaan pindaan had umur calon daripada 21 tahun kepada 18 tahun?

- a) Membuka ruang kepada anak muda untuk bergiat aktif dalam politik
- b) Setara dengan negara Eropah;
- c) Membangunkan pelan penggantian kepimpinan (*succession plan*); dan

- d) Mengetengahkan suara anak muda dalam pembuatan dasar dan perundangan;

21. Negara manakah yang melaksanakan had umur menjadi calon 18 tahun?

Negara-negara yang melaksanakan had umur menjadi calon 18 tahun adalah seperti berikut :

NEGARA ASEAN	NEGARA ASIA	NEGARA EROPAH
Tiada	Australia	Austria
		Belgium
	New Zealand	Croatia
		Estonia
		Finland
		Jerman
	Maldives	Perancis
		Scotland
		Sweden
		United Kingdom

22. Apakah cabaran terhadap pelaksanaan penurunan had umur kelayakan calon daripada 21 tahun kepada 18 tahun?

- a) Kesiediaan parti-parti politik untuk mencalonkan ahli-ahli yang berumur 18 tahun sebagai calon;
- b) Kesiediaan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk meminda Perlembagaan Negeri atau Undang-Undang Tubuh negeri

masing-masing agar selaras dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan penurunan had umur calon.

- 23. Selepas Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan dipinda di Parlimen bagi menurunkan had umur calon kepada 18 tahun, apakah perundangan lain yang perlu dipinda sebelum pelaksanaan?**

Bagi membolehkan penurunan had umur calon Dewan Undangan Negeri dilaksanakan, Kerajaan Negeri perlu membuat pindaan terhadap peruntukan berkaitan di dalam Perlembagaan Negeri atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri masing-masing.

D. PENDAFTARAN PEMILIH SECARA AUTOMATIK

- 24. Apakah tujuan pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik?**

Memastikan semua warganegara Malaysia yang layak terus berdaftar sebagai pemilih dan boleh menggunakan hak mereka untuk mengundi.

- 25. Apakah kelebihan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik?**

- i. Warganegara yang layak mendapat hak untuk mengundi;
- ii. Tidak perlu mendaftar sebagai pemilih;
- iii. Menjimatkan masa dan kos rakyat; dan
- iv. Penjimatan kos, masa dan tenaga kerja SPR untuk mempromosikan pendaftaran pemilih.

26. Berapakah jumlah warganegara Malaysia yang terlibat dengan pendaftaran pemilih secara automatik?

Pada hari ini, terdapat seramai 4 juta rakyat Malaysia yang berusia 21 tahun ke atas tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih. Manakala rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun hingga 20 tahun yang bakal layak didaftarkan adalah seramai 3.8 juta sehingga tahun 2023. Adalah dijangkakan untuk lima tahun akan datang, sekiranya pendaftaran secara automatik ini dilaksanakan bersekali dengan penurunan had umur mengundi 18 tahun, seramai 7.8 juta pengundi akan dimasukkan ke dalam Daftar Pemilih sedia ada pada tahun 2023.

27. Negara manakah yang melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik?

Negara yang melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik adalah seperti berikut :

Negara Asean	Negara Asia	Negara Eropah
Filipina	Australia	Austria
Myanmar	Iraq	Belgium
	Jepun	Croatia
	Korea Selatan	Estonia
		Finland
		Jerman
		Perancis

Negara Asean	Negara Asia	Negara Eropah
		Rusia
		Sweden
		United Kingdom

28. Apakah cabaran dalam melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik?

- a) Peningkatan pemilih yang berdaftar di tempat yang tidak bermastautin (*non-domicile*);
- b) Persepsi kepada kewibawaan kerajaan yang dibentuk sekiranya peratusan keluar mengundi rendah; dan
- c) Berlaku ketidakseimbangan bilangan pemilih yang lebih ketara antara bahagian-bahagian pilihan raya.

E. LAIN-LAIN

29. Siapakah yang boleh dihubungi untuk pertanyaan?

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
 Menara SPR, No.2, Jalan P2T, Presint 2
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 W.P. Putrajaya
 No. Telefon: 03-8892 7018
 Laman Sesawang: www.spr.gov.my

Pejabat Pilihan Raya Negeri Perlis

Tingkat 1, Bangunan KWSP

Jalan Bukit Lagi

01000 Kangar

Perlis

No. Telefon : 04-976 1180

Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah

Aras 4, Zon A

Wisma Persekutuan Anak Bukit Bandar Muadzam Shah

06550 Alor Setar

Kedah

No. Telefon : 04-700 1313

Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang

No. 33 Tingkat 4

Bangunan MARA

Jalan Pengkalan Weld

10300 Pulau Pinang

No. Telefon : 04-261 7692

Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak

Blok A, Aras 1, Bangunan Persekutuan

Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab

30000 Ipoh

Perak

No. Telefon : 05-254 4195

Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor

Lot 03-11, Tingkat 3

Kompleks PKNS

40690 Shah Alam

Selangor

No. Telefon : 03-5519 4273

Pejabat Pilihan Raya Negeri Wilayah Persekutuan

Tingkat 10, Menara TH Selborn

No. 153, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2681 1050

Pejabat Pilihan Raya Negeri Negeri Sembilan

Tingkat 6, Wisma Persekutuan
70000 Seremban
Negeri Sembilan
No. Telefon : 06-763 9975

Pejabat Pilihan Raya Negeri Melaka

Tingkat 20, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan MITC
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka
No. Telefon : 06-234 5632 / 33

Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor

Tingkat 6 Blok B
Wisma Persekutuan
Jalan Ayer Molek
80690 Johor Bahru
Johor
No. Telefon : 07-2243 516

Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang

Tingkat 8, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut
25000 Kuantan
Pahang
No. Telefon : 09-516 5025 / 09-516 1900

Pejabat Pilihan Raya Negeri Terengganu

Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu
No. Telefon : 09-622 1218

Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan

Tingkat 9, Wisma Persekutuan
Jalan Batam
15690 Kota Bahru
Kelantan
No. Telefon : 09-748 2510

Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak

Tingkat 11, Bangunan Sultan Iskandar

Jalan Simpang 3

93728 Kuching

Sarawak

No. Telefon : 082-254 867

Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah

Aras 2 Blok A

Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah

Jalan UM, Peti Surat No 10931

88400 Kota Kinabalu

Sabah

No. Telefon : 088-488 588